

Abdullah sedia untuk kata dikota

Ucapan dasar imbau perancangan, perkenal langkah tambahan



HARUS benar dakwaan bahawa anak turut campur dalam urusan harian Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kerana sejak beberapa hari lalu, Norisatu-satunya anak perempuan Perdana Menteri - bertindak sebagai pemantau dalam menentukan Abdullah sekadar makan secukupnya selain tidur yang memadai.

"Apa yang baba makan tadi?," soal Nori sekembalinya Pak Lah dari majlis rumah terbuka Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, yang terletak cuma sepelauang dari Seri Perdana, petang semalam.

"Rojak mamak... tu pun makan sikit aja," jawab Pak Lah diiringi hilai-ketawa jawapan yang barangkali tidak memuaskan hati anak kemanjaannya yang meneruskan leteran kerana Perdana Menteri pada beberapa malam sebelumnya dikhabarkan turut menjamah tapai dan aiskrim vanilla.

Perdana Menteri memang diketahui seorang "pemakan". Apa saja masakan menyelerakannya. Tambahan dengan pelbagai undangan sempena musim rumah terbuka hari raya sekarang, harus sukar untuknya membendung selera.

Namun, dengan Perhimpunan Agung Umno semakin hampir, baik anggota keluarga, pembantu peribadi serta pegawai tingkat empat tidak terkecuali, menjadikannya suatu keutamaan agar segala persiapan tidak tersasar.

Dalam menantikan detik untuk Pak Lah menyampaikan ucapan dasarnya selaku Presiden Umno di Dewan Merdeka. Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Rabu ini, seboleh-bolehnya mereka mahukan beliau tidak pun terganggu oleh batuknya secara kerap.

Ia akan menjadi perhimpunan agung berbeza daripada sebelumnya kerana kali ini ia berlangsung dua minggu selepas genap tiga tahun Abdullah mengetuai kerajaan, 31 Oktober lalu.

Berbezanya ia juga kerana ucapan dasarnya kali ini amat dinantikan di sebaliknya latar belakang deretan serangan, kritikan dan persoalan sejak kira-kira enam bulan lalu.

Lebih menjadi perbezaan ialah perhimpunan kali ini menyediakan pentas terbaik untuk Presiden Umno melenyapkan sebarang keraguan daripada pelbagai persoalan dibangkitkan, jauh sekali untuk menggambarkan beliau sudah lalang kawalan.

Barangkali mudah untuk segolongan berkepentingan mengandaikan Abdullah menghitung hari menjelang Perhimpunan Agung Umno tiga hari lagi dalam keadaan tertekan dan meresahkan. Atau itulah yang mereka harapkan.

Apakah beliau akan menjawab segala-galanya daripada kritikan tertulis, tohmahan terselindung hinggalah cakap-cakap di belakang? Dan walaupun Perdana Menteri mengutarakan pelbagai jawapan, apakah ia akan memuaskan hati ramai?

Itulah antara persoalan besar.

Pegawai-pegawainya pula memberi-

kan bayangan berlawanan, bahawa Abdullah menyusuri hari-hari terakhir menjelang perhimpunan agung dengan berwatakan amat berkeyakinan selain menyerlahkan 'mood' penuh keceriaan.

Diapit di antara pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pembinaan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor Bahru, 4 November lalu, dan majlis pecah tanah projek Jambatan Kedua Pulau Pinang hari ini - dua projek besar di bawah pentadbiran Abdullah - persiapan terakhir beliau tidak ketandusan rangsangan tambahan.

Malah, kenyataan Profesor Diraja Ungku Aziz, Khamis lalu, yang menyenaraikan tiga faktor membezakan Pak Lah dengan empat Perdana Menteri terdahulu, antaranya keutamaan beliau kepada pembangunan masyarakat luar bandar berbanding pembangunan industri, harus tiba pada waktu amat tepatan.

Dua faktor lagi ialah usaha bersungguh-sungguh Abdullah memperbetulkan ketidakseimbangan kadar kemiskinan

luar bandar dan keikhlasannya memberi penekanan kepada perpaduan Kebangsaan mencakupi semua kaum.

"Pak Lah bagaikan tidak sabar-sabar menantikan Perhimpunan Agung Umno kali ini," kata seorang pegawai yang menambah, "Tiada langsung kegusaran melainkan ucapan dasar yang dikhuatirinya terlalu padat, terlalu banyak maklumat dalam masa terlalu singkat."

Ucapan dasarnya dibayangkan umpama mengimbau bermulanya satu perjalanan yang didasarkan kepada ucapan sulung Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 3 November 2003. Ketika itu, Abdullah menggariskan 12 gagasan dalam usaha membina masa depan negara dan warga mencapai tahap kejayaan lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Perdana Menteri berasakan masanya kini bertepatan untuk mengimbas kembali antara pengharapan serta secara ikhlas, konstruktif dan objektif menghalusi pencapaian supaya tidak kehilangan pedoman. tidak tersilap haluan.

Tentulah cabaran terbesar buatnya ialah memuatkan semuanya dalam ucapan dasar yang mengamhil masa cuma lebih sedikit daripada satu jam agar isi kandungannya dapat difahami dan dihayati sebagai merencanakan langkah besar ke hadapan.

Kononnya Abdullah tidak pun faham bagaimana untuk menggerakkan ekonomi negara - satu tuduhan yang tidak pun menuntut jawapan segera daripadanya pada ketika statistik dan petunjuk positif lebih daripada memadai untuk menepisnya.

Dalam ucapan dasarnya nanti, Perdana Menteri lebih daripada bersedia untuk memberikan huraian panjang lebar - bukan sekadar untuk mengurus ekonomi secara biasa, lebih daripada itu keberanian untuk mengubah model ekonomi negara yang sedia ada.

Keresahan yang diuar-uarkan daripada angka positif ekonomi yang tidak kelihatan diterjemahkan kepada kegiatan

perniagaan, kemerosotan pelaburan langsung asing (FDI) dan kelembapan pasaran saham, semuanya akan dijawab menerusi transformasi ekonomi yang bagaimanapun mengambil sedikit masa untuk hasilnya terlihat.

Islam Hadhari, pendekatan yang paling dekat di hati Abdullah tetapi akan-akan dipersendakan sebagai tidak perlu, turut dijangka mengundang penjelasan bersemangat daripada Presiden Umno agar fahaman berkenaan tidak disesatkan dan tafsirannya tidak dipesongkan.

"Ia (ucapan dasar) bukan setakat berkisar kepada menjawab persoalan yang dilontarkan oleh individu tertentu sejak beberapa bulan kebelakangan atau menepis kritikan yang kebanyakannya tidak berlandaskan fakta.

"Sebaliknya, ia boleh disimpulkan sebagai mengimbau perancangan yang sudah dibuat sejauh ini, memperkenalkan langkah tambahan dalam memastikan perencanaan menepati landasan untuk kesudahannya diyakini sebagai mengotakan janji," kata seorang pegawai.

Abdullah, dalam memastikan ucapan dasarnya kali ini berbeza daripada sebelumnya, dikhabarkan memperuntukkan waktu amat panjang di samping mengerah input maklumat sebanyak mungkin untuk menyokong hujahnya.

Tiada pelayaran diperlukannya untuk mengundang ilham. Kalaupun ada sedikit persamaan, ia hanyalah penerbangan pulang-pulang dari Islamabad, Selasa lalu yang dimanfaatkannya untuk memuktamadkan butir-butir percakapan di awang-awangan.

Tanpa membeza-bezakannya dengan perhimpunan terdahulu, Abdullah tidak pun perlu diingatkan persidangan bermula Rabu ini akan menjadi kesempatan terbesar buatnya untuk satu 'pernyataan' dirakamkan.

Ia tidak lain daripada kepemimpinan yang jauh daripada digoyahkan kecuali untuk terus diperkukuhkan.

"Pak Lah bagaikan tidak sabar-sabar menantikan Perhimpunan Agung Umno kali ini. Tiada langsung kegusaran melainkan ucapan dasar yang dikhuatirinya terlalu padat, terlalu banyak maklumat dalam masa terlalu singkat"